



Perangi Jenayah Ragut

Tanggungjawab Bersama

Utusan 12/1/13 MS13

Sejak akhir-akhir ini jenayah ragut semakin berleluasa dan menimbulkan kebimbangan banyak pihak. Banyak kes yang dilaporkan sering melibatkan kematian di kalangan mangsa ragut.

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan kematian dua wanita yang telah menjadi mangsa ragut manusia yang tidak bertanggungjawab. Lebih menyedihkan, kedua-dua wanita tersebut sedang berbadan dua.

Ini hanya sebahagian kes yang mendapat liputan meluas media. Sedangkan banyak lagi kes ragut yang tidak dilaporkan kerana sikap masyarakat kita yang masih memandang remeh terhadap kes tersebut.

Terdapat banyak kes yang tidak dilaporkan, mungkin kerana ia tidak melibatkan kematian maka ramai yang menganggap kes itu adalah kes kecil. Sehingga dua ibu hamil maut akibat diragut yang mana akhirnya membuka mata banyak pihak.

Bayangkan perasaan ahli keluarga mangsa yang kehilangan orang tersayang terutamanya ibu hamil tersebut. Keluarga mangsa bukan sahaja kehilangan satu nyawa yang terkorban tetapi dua nyawa sekaligus.

Bagaimana jika kes ini terjadi kepada diri anda atau ahli keluarga anda? Apa perasaan anda jika kehilangan orang tersayang? Pasti anda juga akan merasakan perkara yang sama.

Pastinya perasaan sedih, marah dan kecewa menyelubungi kehidupan keluarga mangsa. Suami yang kehilangan isteri, ibu bapa yang kehilangan anak dan anak yang terpaksa kehilangan ibu sebelum masanya hanya disebabkan oleh jenayah ragut.

Hal ini menunjukkan bahawa jenayah ragut perlu ditangani segera dan tugas ini bukan hanya terletak di bahu pihak berkuasa sahaja, bahkan ia menjadi tanggungjawab bersama.

Ekoran itu, semua rakyat negara ini juga perlu saling bekerjasama antara satu sama lain dalam usaha mencegah, membendung dan mengurangkan jenayah ragut iaitu dengan memberi sokongan terhadap aktiviti komuniti

yang dilakukan oleh pihak berkuasa di kawasan setempat.

Mangsa ragut

Kebiasaannya, peragut akan mencari mangsa yang berjalan atau menunggang motosikal secara berseorangan di kawasan yang sunyi dan gelap. Ini kerana situasi sebegini memudahkan peragut menjalankan aktiviti mereka dengan mudah tanpa dilihat oleh orang lain.

Ciri-ciri mangsa ragut selalunya ialah wanita yang memakai mini skirt, kain ketat dan berkaset tinggi selain berseorangan. Peragut akan bertindak meragut wanita yang berpakaian sebegini kerana wanita tersebut dilihat sukar untuk bertindak balas terhadap mereka. Oleh itu kaum wanita perlu memikirkan perkara ini sebelum memilih untuk berpakaian sebegini apabila keluar berseorangan.

Di samping itu, kebanyakan kaum wanita gemar membawa beg tangan dengan memegangnya di tangan sahaja dan tidak kurang juga yang suka mengepit beg duit di celah ketiak apabila keluar bekerja mahupun bersiar-siar atau ke mana jua. Bukankah tindakan ini sengaja mengundang peragut meragut anda? Sama-samalah anda fikirkan.

Seterusnya mangsa juga adalah terdiri daripada penunggang atau pembonceng yang menggalas beg tangan semasa menunggang atau membonceng motosikal. Keadaan ini boleh memberi peluang yang mudah untuk peragut melaksanakan misi mereka.

Panduan elak menjadi mangsa ragut

Bagi mengelak diri daripada menjadi mangsa ragut, elakkan diri dari berjalan kaki atau menunggang motosikal seorang diri di kawasan yang sunyi terutamanya pada waktu malam. Ini akan memudahkan peragut melakukan aktiviti mereka tanpa dilihat atau diketahui oleh orang lain.

Namun begitu, jika terpaksa berjalan kaki pada waktu malam tanpa ditemani sesiapa,

ikutlah arah laluan yang bertentangan supaya anda dapat melihat kenderaan yang berada di hadapan dan boleh bertindak awal jika merasakan ada sesuatu yang mencurigakan.

Peragut sememangnya gemar mengambil kesempatan terhadap seseorang yang dilihat tidak melawan secara agresif seperti kaum wanita. Hal ini kerana, wanita dilihat golongan yang lemah dan mudah untuk dikasari serta jarang untuk bertindak balas. Selalunya kaum hawa ini hanya menjerit untuk meminta pertolongan daripada orang ramai.

Di samping itu, kaum wanita juga digalakkan memakai pakaian yang sesuai agar mudah untuk bertindak jika menjadi mangsa ragut. Mereka boleh memakai pakaian yang digemari namun sekiranya keluar berseorangan, pilihlah pakaian yang mudah untuk bergerak pantas seperti berlari untuk meminta bantuan.

Sekiranya anda membonceng motosikal, elak dari menggalas beg tangan di bahu. Sebaik-baiknya letakkan beg tersebut di tengah-tengah antara anda dan penunggang dan lindungi dengan tangan anda. Langkah ini akan menyukarkan peragut untuk bertindak meragut anda.

Sementara itu, apabila menunggang motosikal pula, letakkan beg tangan anda di dalam raga dan tutupinya dengan barang-barang lain atau setidak-tidaknya menggunakan baju hujan atau baju panas. Dengan ini, peragut tidak dapat melihat atau terdedah pada penglihatan peragut.

Kesimpulannya, semua pihak perlu memainkan peranan dalam mencegah kejadian jenayah ragut yang dilihat semakin menjadi-jadi. Mungkin dalam hal ini bidalan 'jangan menjaga tepi kain orang' perlu diabaikan dalam konteks memerangi jenayah ini.

Siapa lagi kalau bukan kita yang sepatutnya bersama-sama berusaha memerangi jenayah ragut di negara ini dan hidup aman damai di kalangan masyarakat majmuk.

Sumber - Auto Touch